

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 30 NOVEMBER 2015
SOALAN :

YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status ancaman virus Hepatitis C (HCV) kini, bagaimana Kerajaan mengawalinya dan apakah perkembangan terkini rawatan HCV.

Tuan Yang di-Pertua,

Insiden penyakit Hepatitis C di adalah antara 2.6 hingga 7.3 bagi setiap 100,000 penduduk sejak 2009 hingga 2014. Pada tahun 2014, terdapat sebanyak 2,196 kes dan sehingga September 2015 terdapat sebanyak 1,330 kes dikesan di seluruh negara. Anggaran lapan puluh peratus (80%) adalah dari kumpulan umur produktif iaitu 25 hingga 55 tahun. Anggaran enam puluh peratus (60%) kes Hepatitis C adalah dari kalangan penagih dadah secara suntikan (IVDU). Kes-kes ini dikesan semasa saringan awal Program *Harm Reduction*, saringan FOMEMA dan saringan sebelum menderma darah. Pada masa ini, aktiviti kawalan dan pencegahan Hepatitis C yang sedia ada adalah :-

- i) kempen kesedaran Hepatitis C;
- ii) mengelakkan tingkah laku berisiko;
- iii) Program *Harm Reduction* yang diperkenalkan sejak 2004. Dalam masa yang sama bertujuan mengurangkan kejadian penyakit Hepatitis B, Hepatitis C dan HIV; dan
- iv) saringan Hepatitis C sebelum pendermaan darah dan organ.

Rawatan yang sedia ada di fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta adalah rawatan suntikan interferon, dengan kos keseluruhan rawatan sebanyak dua puluh empat ribu ringgit (RM24,000.00). Rawatan terkini, adalah sejenis antiviral yang mempunyai efikasi hampir sembilan puluh lapan peratus (98%), tetapi kos keseluruhan rawatan adalah sangat mahal iaitu anggaran empat ratus ribu ringgit Malaysia (RM400,000.00) bagi seorang pesakit.